

Pemuda UMNO guna 'sentuhan peribadi' dekati penduduk

UM-17/1/2007

RAUB 16 Jan. - Pergerakan Pemuda UMNO akan mengurangkan program ceramah sepanjang kempen pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam, tetapi sebaliknya menggunakan 'sentuhan peribadi' iaitu mengunjungi rumah ke rumah untuk mengenali masalah penduduk.

Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin berkata, beliau sudah berbincang dengan ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan bersetuju agar pendekatan sedemikian diambil kerana ia lebih berkesan.

Katanya, Pemuda juga bersetuju meneruskan gerak kerja seperti biasa dan mengubah sedikit pendekatan untuk mendekati penduduk Batu Talam dan memahami masalah dihadapi mereka.

"Walaupun calon bebas yang menentang kita ini tiada pengalaman politik tetapi Pemuda UMNO jangan alpa dan mereka perlu terus mendekati penduduk kawasan itu," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Pendaftaran Skim Peluang Kedua Pendidikan dan Kerjaya Putera UMNO di Batu Malim, dekat sini, hari ini.

Beliau seterusnya mengibaratkan calon

bebas itu seperti 'berperang dengan angin' kerana tidak mengetahui hujung pangkal mengenai matlamat, agenda dan strategi bertanding pada pilihan raya tersebut.

Beliau juga yakin calon bebas itu pasti akan mendapat bantuan daripada parti pembangkang sebab bapanya ialah Benda-hari DAP Pahang.

Menurut Khairy, walaupun parti-parti pembangkang tidak bertanding, mereka tetap mengadakan ceramah menabur fitnah terhadap kerajaan.

Beliau meminta para pengundi Batu Talam agar tidak terpedaya dengan dakwah dan taktik pembangkang yang tidak mahu bertanding, tetapi pada masa sama menyokong calon bebas pada pilihan raya kecil itu.